

KEJOHANAN UiTM LIONS LEAGUE 2024 **PERATURAN PERMAINAN BOLA TAMPAR**

1.0 UNDANG-UNDANG PERMAINAN

- 1.1 Pertandingan ini dijalankan mengikut syarat-syarat dan peraturan yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pengelola Kejohanan Universiti Teknologi MARA *Lions League*
- 1.2 Kecuali apa yang tersebut di dalam peraturan yang menguasai pertandingan ini, maka Undang-undang Persatuan Bola Tampar Antarabangsa (FIVB) hendaklah diikuti.

2.0 TARIKH

Kejohanan ini diadakan pada bulan November sehingga Disember 2024

3.0 PENDAFTARAN PEMAIN

- 3.1 Perkara yang berhubung dengan kelayakan pemain seperti yang ditetapkan hanya **pelajar dari UiTM Shah Alam sahaja.**
- 3.2 Bilangan
Tiap-tiap pasukan dibenarkan mendaftar seramai tidak lebih dari 10 orang termasuk 4 orang pemain simpanan dalam google form (<https://forms.gle/HJBMQT8KdbUj88Qs6>)
- 3.3 Kelayakan
Pemain yang tidak disenaraikan namanya dalam borang pendaftaran tidak dibenarkan untuk bermain
- 3.4 Borang Pendaftaran Perlawanan
Borang Pendaftaran Perlawanan yang mengandungi senarai nama pemain dan pemain simpanan hendaklah diserahkan kepada penyelaras permainan 30 minit sebelum permainan bermula.
- 3.5 Yuran Penyertaan
Setiap pasukan yang menyertai dikenakan yuran bagi Bola Tampar sebanyak **RM100.00** dan perlu di bayar terus ke akaun Bendahari UiTM. **No akaun 1217-7010-00-5651 (UiTM-UKZ3AA) dan masukkan keterangan bayaran Lions League**

4.0 PASUKAN DAN MASA BERMAIN

4.1 Pasukan

Tiap-tiap pasukan mestilah mempunyai 6 pemain di dalam gelanggang sebelum satu-satu pertandingan dimulakan.

4.2 Masa

Setiap pasukan mesti melapor diri/bersedia tepat pada masa perlawanan yang ditetapkan. Sekiranya mana-mana pasukan lewat melapor diri, tempoh masa menunggu diberikan selama tidak lebih dari 10 minit. Sekiranya pasukan itu masih gagal melapor diri dalam masa 10 minit, pasukan tersebut dikira menerima kekalahan

5.0 PAKAIAN/ALAT

5.1 Pakaian

Pakaian yang seragam dengan permainan bola tampar mempunyai nombor di depan serta belakang baju dan mengikuti peraturan FIVB.

5.2 Alat.

Bola perlawanan akan disediakan oleh pihak penganjur.

6.0 CARA MEMUTUSKAN KEPUTUSAN

6.1 Semua perlawanan peringkat kumpulan dan suku akhir berdasarkan 1 set, 31 mata.

6.2 Bagi peringkat separuh akhir dan akhir berdasarkan 2 set yang terbaik daripada 3 set permainan, (25-25-15).

6.3 Mata kemenangan seperti berikut:-

Menang	-	2 mata
Kalah	-	1 mata
Tarik diri/Tidak hadir	-	0 mata

6.4 Jika terdapat pasukan-pasukan mendapat jumlah mata yang sama atau seri, maka pemenang akan ditentukan mengikut kaedah seperti berikut :-

6.4.1 Nisbah Mata (M),

$$M = \frac{\text{Jumlah mata menang (semua perlawanan)}}{\text{Jumlah mata kalah (semua perlawanan)}}$$

6.4.2 Jika masih seri, Nisbah set tertinggi (S),

$$S = \frac{\text{Jumlah set menang (semua perlawanan)}}{\text{Jumlah set kalah (semua perlawanan)}}$$

6.4.3 Jika masih seri,

$$S1 = \frac{\text{Jumlah set menang (antara pasukan yang terlibat)}}{\text{Jumlah Set kalah (antara pasukan yang terlibat)}}$$

6.4.4 Jika masih seri,

$$M1 = \frac{\text{Jumlah mata menang (antara pasukan yang terlibat)}}{\text{Jumlah mata kalah (antara pasukan yang terlibat)}}$$

6.4.5 Jika sekiranya masih terdapat persamaan antara dua (2) pasukan, maka keputusan perlawanan yang telah diadakan diantara kedua-dua pasukan tersebut akan diambil kira. Pasukan yang pernah menang diperlawanan tersebut dikira pemenang.

6.4.6 Sekiranya masih tidak boleh ditentukan pemenang antara tiga (3) atau lebih pasukan, maka cabutan undi akan dijalankan.

6.5 Pengadil akan dilantik oleh Jawatankuasa Pertandingan.

7.0 PERKARA YANG TIDAK DINYATAKAN

Semua perkara yang tidak dinyatakan dalam ini akan diputuskan oleh Jawatankuasa Pengelola yang berkenaan dan keputusannya adalah muktamad.

8.0 HADIAH

8.1 Medial akan disediakan sebanyak 10 butir bagi Johan, Naib Johan dan tempat ketiga bersama

8.2 Wang Tunai bagi Johan dan Naib Johan sahaja

9.0 KELEWATAN

Masa selama 10 minit akan diberikan kepada pasukan yang lewat dan selepas masa itu pihak lawannya akan diberikan kemenangan percuma dengan 2 mata kemenangan dan bilangan 31 – 0 peringkat kumpulan dan suku akhir, 25 – 0 untuk separuh akhir dan akhir.

10.0 PERLAWANAN YANG DITUNDA ATAU DIBERHENTIKAN

Sekiranya pengadil berpendapat bahawa gelanggang tidak sesuai untuk permainan disebabkan oleh keadaan cuaca atau kerana hal-hal yang tidak dijangkakan, perlawanan itu tidak dapat dimainkan atau sekiranya perlawanan diberhentikan akibat hal-hal yang di luar kawalan kedua-dua pasukan, maka perlawanan yang ditunda atau diberhentikan akan diputuskan oleh Jawatankuasa Pengelola Kejohanan.